

# Siswa dapat manfaat Food Bank terima zakat

**Gombak:** Pelajar universiti awam (UA) yang kini mendapat manfaat program Food Bank Siswa, bakal menerima bantuan zakat menggunakan dana Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

SSM adalah agensi yang mempunyai format serta menjalankan aktiviti yang menjana pendapatan, selain turut membuat agihan zakat setiap tahun.

Saiz zakat wajib dikeluarkan bagi tujuan berkenaan akan dibincangkan lebih lanjut oleh KPDNHEP, seterusnya menentukan jumlah penerima.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata bantuan itu akan

diagihkan mulai tahun depan dan dijangka dapat mengurangkan kos sara hidup penerima.

"Di universiti, kita ada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah kini menikmati program Food Bank Siswa.

"Kelompok ini kalau kita bantu lagi secara pemberian zakat, pasti akan meringankan beban kewanginan mereka dan boleh beri tumpuan sepenuhnya kepada pelajaran," katanya.

Bercakap kepada media selepas melancarkan Mahabbah Food Bank Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), di sini semalam, beliau memaklumkan, ketika ini 6,470 siswazah dibantu melalui Food Bank Siswa.

UIAM adalah UA ke-20 menyertai Food Bank Siswa dengan 200 pelajarnya dipilih untuk dibantu menerusi program berkenaan



Saifuddin menyerahtakan sumbangan kepada wakil pelajar selepas melancarkan Mahabbah Food Bank UIAM, di Gombak, semalam.

*Bantuan diagih tahun depan dan dijangka dapat kurangkan kos sara hidup penerima.*

*Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

yang dijangka turut diperluaskan ke 123 institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), politeknik dan institut perguruan di seluruh negara, mulai tahun depan.

Food Bank Siswa diperkenalkan melalui dua kaedah, *Food Pantry*, iaitu penyimpanan barang kering di bilik khas dan siswa menerima makanan mengikut jadual, selain *Central Kitchen* yang berbentuk sumbangan makanan boleh dimasak.